

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ingin mempelawa calon di **kalangan Warganegara Malaysia** yang dinamik, inovatif dan bercita-cita tinggi untuk bersama-sama merealisasikan wawasan universiti sebagai Universiti No. 1 Pendidikan di Malaysia dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan di UPSI.

Senarai kekosongan jawatan adalah seperti berikut:-

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	JAWATAN	GRED	TARAF	KEKOSONGAN
1.	Pengurusan dan Profesional	Guru Bahasa (Bahasa Melayu)	DG41	Tetap	1
2.		Guru Bahasa (Bahasa Inggeris)			2

PANDUAN PERMOHONAN

1. Pemohon perlu mendaftar dan mempunyai akaun dengan *Online Job Application UPSI* (myjobs.upsi.edu.my).
2. Untuk permohonan jawatan kali kedua dan seterusnya, pemohon tidak perlu mendaftar semula atau mewujudkan akaun baru, sebaliknya hanya perlu **mengemaskini** profail dan jawatan yang dipohon dalam akaun sedia ada.
3. Permohonan secara atas talian perlu diisi dengan lengkap kerana permohonan akan diproses menggunakan permohonan atas talian ini. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak dan tidak akan diproses.
4. Setelah permohonan lengkap diisi,
 - 4.1 **sila cetak** dan pastikan gambar berjaya dimuat naik/dilekatkan;
 - 4.2 sila sertakan salinan keputusan-keputusan peperiksaan, sijil-sijil Kokurikulum dan sebagainya yang berkaitan (yang telah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Gred 41 dan ke atas);
 - 4.3 cetakan permohonan dihantarkan ke alamat seperti di bawah;
 - 4.4 pemohon yang terdiri daripada warga UPSI (kakitangan bertaraf tetap / kontrak / sementara) perlu menghantar permohonan bersama surat iringan kepada Pendaftar UPSI melalui Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ).
5. Pemohon perlu menyemak dari semasa ke semasa di bahagian Berita/Maklumat Terkini di myjobs.upsi.edu.my untuk mengetahui status terkini permohonan. Pihak UPSI tidak akan bertanggungjawab jika pemohon mendakwa tidak mengetahui mengenai status permohonannya disebabkan pemohon tidak menyemak status permohonan secara atas talian di ruangan tersebut.
6. Pemohon diminta mengisi alamat emel yang aktif. Permohonan secara atas talian ini akan menggunakan emel sebagai salah satu medium komunikasi antara pihak UPSI dan pemohon. Pihak UPSI tidak akan bertanggungjawab jika pihak pemohon tidak menerima makluman yang dihantar secara emel kepada pemohon yang disebabkan oleh pemohon tidak mengakses emelnya.
7. **Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.**
8. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dari UPSI dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan, permohonan dianggap tidak berjaya.
9. Sila hantarkan permohonan ke:
Unit Perjawatan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak
10. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Perjawatan, BSM
 05 – 450 6328 / 6338 / 6399

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan jawatan yang diiklankan adalah pada **28 Mac 2020**.

1. Guru Bahasa Gred DG41

1. (a) Jawatan : **Guru Bahasa Gred DG41**
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pendidikan
2. Emolumen / Gaji :

Gred	Min	Max
41	RM2,188.00	RM9,552.00
3. Elaun :

Gred	Imbuhan Tetap Khidmat Awam	Imbuhan Tetap Perumahan	Bantuan Sara Hidup
41	RM300.00	RM300.00	RM200.00
4. Had Umur : Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan maksimum berumur 54 tahun.
5. Syarat Lantikan / Bidang / Kelayakan Khusus :
 - Warganegara Malaysia
 - Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengajaran bahasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.Syarat Khusus;
 - Bidang Bahasa Inggeris
 - Memperolehi sekurang-kurangnya Band 4 atau lebih baik dalam ujian Malaysian University English Test (MUET) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
6. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
7. Taraf Jawatan : Tetap
8. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.